



Shamsuddin letak nama UTHM jadi universiti terkenal

Lantik Pro-Canselor pertama

Oleh Mohd Roji Abdullah
bhnews@bharian.com.my

NAMA Pengerusi Kumpulan Sapura, Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir, cukup sinonim dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Beliau adalah Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM yang pertama dan menjawat jawatan itu sejak 16 April 2001 dan menamatkan tempoh perantaraan pada 15 April 2009.

Selama lapan tahun menerajui Lembaga Pengarah UTHM, beliau banyak memberi sumbangan mengubah landskap pembangunan UTHM daripada sebuah Kolej Universiti kepada universiti penuh.

Kepemimpinan beliau berjaya meletakkan UTHM kini menjadi salah satu universiti yang disegani di negara ini dan kian dikenali serata dunia.

Kecemerlangan beliau menerajui UTHM yang kini semakin berkembang pesat, mendorong pihak universiti melantik beliau sebagai Pro-Canselor pertama UTHM.

Shamsuddin, yang genap usianya 78 tahun 19 Ogos ini, dilahirkan di Ipoh, Perak mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Batu Road, Kuala Lumpur.

Beliau kemudian memasuki sekolah menengah di Victoria Institution, Kuala Lumpur, sebelum melanjutkan pelajaran peringkat tinggi di Brighton Technical College, Britain.

Selain Pengerusi dan pengasas Kumpulan Sapura, Shamsuddin pernah menjawat jawatan penting dalam syarikat korporat antaranya Pengarah Eksekutif United Motor Works, Pengarah Uniphone Telecommunication Bhd, Sapura Motors dan Sapura Telecommunications Bhd.

Kewibawaan beliau memimpin diakui sehingga beliau menerima pelbagai anugerah serta pingat kebesaran.

Antaranya, pingat Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran 'Tan Sri' yang dikurniakan Yang di-Pertuan Agong.

Beliau turut menerima Darjah Dato' Seri Paduka Cura

Simanja Kini yang membawa gelaran 'Datuk Seri' daripada Sultan Perak, Sultan Azlan Shah.

Selain itu, beliau turut menerima anugerah 'Fellowship Dewan Perniagaan Melayu Malaysia', dan Senior Fellowship dari Akademi Sains Malaysia.

Beliau turut menerima pengiktirafan daripada beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) antaranya Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Perniagaan dan Universiti Sains Malaysia (USM) menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan kepada beliau.

Selain pelbagai anugerah yang diterima sebagai menangan jasanya dalam negara, beliau turut menerima anugerah 'Commandeur de l'Ordre National du Merite' oleh kerajaan Perancis.



INFO

■ Seramai 2,105 graduan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen Kelapan, yang bermula 8 hingga 10 Ogos ini.

■ Daripada jumlah itu, seorang graduan akan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 176 akan menerima Ijazah Sarjana, 1,433 menerima Ijazah Sarjana Muda, 201 menerima Diploma Lepas Ijazah dan 294 menerima Diploma.

■ Pada sidang pertama 8 Ogos, seramai 319 graduan akan menerima Ijazah iaitu seorang yang menerima Ijazah Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal, Ijazah Sarjana Kejuruteraan Awam (5), Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (12), Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (8), Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (129).

Penerima Ijazah Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal Sheikh Salleh Sheikh Ahmad

Penerima anugerah akademik universiti sempena Majlis Konvokesyen Kelapan UTHM 2009

NAMA ANUGERAH	PENERIMA	NAMA ANUGERAH	PENERIMA
ANUGERAH DIRAJA (PINGAT JAYA CEMERLANG)	1. Muhammad Rusydan Amir Hamzah 2. Leong Kah Hon	ANUGERAH TAN SERI DATO' PADUKA HAJJAH AISHAH GHANI	1. Nurul Hidayah Mohd Kamaruddin 2. Nurul Nadia Saharudin
ANUGERAH CANSELOR	1. Mohd Firdaus Md Dan @ Azlan 2. Premkumar A/L Kesavan Prabakaran 3. Omar Mohd Sathakathullah 4. Siti Fairus Ahmad 5. Mohd Kamil Ahmad Tajuddin 6. Fadhilah Hanim Hashim 7. Khew Li Doou 8. Sim Sy Yi 9. Tuan Mohd Hafeez Tuan Ibrahim 10. Nik Zarisah Zakaria	ANUGERAH HADIAH BUKU YAYASAN UTHM	1. Siti Saharah Latif 2. Shahzada Khan Nawab Khan
ANUGERAH PUAN SRI SAPURA	1. Yap Kah Jun 2. Shahzada Khan Nawab Khan	ANUGERAH PROJEK SARJANA MUDA TERBAIK	1. Tengku Syamimi Tuan Ab Rahman 2. Siti Salwa Ab Rashid 3. Nor Azmah Md Nor 4. Mohd Nazmi Mohd Salleh 5. Noor Najua Aiman Mohd Sharif 6. Zamir Singh A/L Gurbachan Singh
		ANUGERAH KHAS ALUMNI UTHM (Kategori Pelajar)	1. Mohd Fadhil Mhd Ali 2. Herna Nordin